

28 FEB 1998

Mahathir-Yahudi

MAHATHIR GEMBIRA ISU ANTI-YAHUDI DISELESAIKAN

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau gembira isu mengenai beliau seorang yang anti-Yahudi diselesaikan oleh Kongres Yahudi Sedunia.

Sambil menyambut baik kenyataan Kongres itu, seperti yang dilaporkan oleh akhbar hari ini, Perdana Menteri berkata beliau tidak pernah anti-Yahudi.

"Kita memaikan peranan penting dalam membenarkan pasukan kriket Israel datang ke sini dan kami juga sengaja membawa pelajar-pelajar Israel untuk membolehkan mereka melihat bahawa umat Islam boleh hidup aman damai dengan bangsa lain, dan ini akan akan membolehkan mereka memahami bahawa mereka boleh tinggal bersama bangsa Arab," katanya kepada pemberita selepas menemui Sultan Hassanal Bolkiah dari Brunei Darussalam, di Hotel Shangri-La, di sini, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan akhbar bahawa Kongres itu menerima penjelasan bahawa Perdana Menteri, yang dikritik kerana didakwa membuat kenyataan kontroversi mengenai Yahudi, bukannya anti-Semitik.

Menurut laporan itu, Malaysia telah menulis surat kepada Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Geneva untuk menafikan bahawa Dr Mahathir ialah sorang anti Yahudi dan Malaysia tidak pernah mengamalkan dasar yang anti-Semitik.

Surat bertarikh 20 Feb daripada Duta Malaysia ke Suruhanjaya Tinggi itu, Hamidon Ali, ditulis selepas beliau menemui wakil Kongres Yahudi Sedunia di sana, Morris Abram.

Pengarah eksekutif Kongres Yahudi Sedunia, Elan Steinberg, memuji surat itu dan berkata: "Bagi kami, isu ini sudah tamat berikutan penjelasan ini."

Berhubung perkara itu, Perdana Menteri berkata beliau gembira ia telah diselesaikan.

"Saya berasa gembira jika mereka menyelesaikannya kerana saya tidak nampak ada gunanya jika saya bertengkar dengan sesiapa, saya tidak mahu bertengkar dengan mereka," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

ES AZZ NAK